

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **PUAN RUSNAH BINTI ALUAI**
[TANGGA BATU]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memindahkan Politeknik Kota Melaka ke dalam kawasan Parlimen Tangga Batu memandangkan tiada sebarang Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta (IPTS) di dalam kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penubuhan sesebuah universiti awam, politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga.

Kesemua institusi ini menawarkan program-program akademik yang berdaya saing dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, kejuruteraan, teknologi, perdagangan, perkhidmatan, pendidikan dan sebagainya. Program-program yang ditawarkan ini dapat menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Di negeri Melaka telah ditubuhkan dua (2) politeknik dan enam (6) kolej komuniti yang menawarkan program pendidikan dan latihan peringkat diploma dan sijil dalam bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan untuk menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi menyokong pembangunan ekonomi negeri dan negara.

Pada tahun 2010, sebuah institusi TVET iaitu Kolej Komuniti Tangga Batu yang dibina dalam Parlimen Tangga Batu. Kolej Komuniti Tangga Batu menawarkan Sijil Pelancongan dan Pengembaraan kepada lepasan SPM dan menawarkan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH) kepada komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.